



SIARAN AKHBAR

SAMBUTAN HARI KOMANWEL: PERASMIAN PLAK QUEEN'S COMMONWEALTH CANOPY (QCC) DAN ACARA PENANAMAN POKOK

Isnin, 24 Rejab 1442H bersamaan 8 Mac 2021

Perasmian Plak *Queen's Commonwealth Canopy* (QCC) dan acara penanaman pokok telah berlangsung pada hari ini di Taman Rekreasi Hutan Berakas, Hutan Simpan Berakas, bersempena dengan Hari Komanwel yang disambut setiap tahun pada hari Isnin yang kedua di dalam bulan Mac.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Acara tersebut juga dihadiri oleh Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Awang Ash'ari, Ahli Majlis Mesyuarat Negara dan juga Pengasas Bersama Green Brunei; Yang Mulia Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab, Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Yang Mulia Pengiran Norhashimah binti Pengiran Mohd Hassan, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri; dan Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap dari Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa. Acara diteruskan dengan perasmian Plak *Queen's Commonwealth Canopy* oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong dan diikuti dengan acara penanaman pokok sejumlah 54 pohon anak pokok yang terdiri daripada pokok-pokok jenis Baru-Baru (*Hibiscus tiliaceus*) dan Panaga Laut (*Calophyllum inophyllum*).

Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) telah melancarkan QCC pada tahun 2015 sebagai sebahagian daripada komitmen negara-negara anggota Komanwel demi memelihara ekosistem bumi untuk mempromosikan kesedaran mengenai nilai hutan, memudahkan pertukaran pengetahuan, berkongsi amalan terbaik dan mewujudkan kolaborasi baru untuk pemuliharaan hutan, serta mewujudkan legasi yang berkekalan daripada *The Queen's leadership of the Commonwealth*.

Taman Rekreasi Hutan Berakas, Hutan Simpan Berakas, adalah merupakan salah satu daripada tiga kawasan hutan yang telah diletakkan di bawah inisiatif QCC ini pada tahun 2016, di samping Taman Negara Ulu Temburong, Hutan Simpan Batu Apoi, dan Taman Rekreasi Hutan Pulau Selirong, Hutan Simpan Pulau Selirong.

Hari Komanwel pada tahun ini bertemakan “*Delivering a Common Future: Connecting, Innovating and Transforming*”. Tema ini mengetengahkan bagaimana 54 buah negara anggota Komanwel bergabung dan bekerjasama untuk mencapai beberapa matlamat seperti melindungi sumber semula jadi dan meningkatkan perdagangan.

Selain itu, acara penanaman sebanyak 54 pohon anak pokok, iaitu simbolik daripada jumlah negara anggota Komanwel, adalah sebahagian daripada inisiatif penanaman pokok bagi mendukung Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam dalam mencapai sasaran untuk menanam sebanyak 500,000 pokok baru menjelang tahun 2035.

Turut hadir semasa acara tersebut ialah Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Tinggi negara-negara Komanwel di negara ini; ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri; dan Urusetia Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam dari Kementerian Pembangunan.

**Dikeluarkan oleh:
Jabatan Perhutanan
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
8 Mac 2021**